

Lembaran Pendedahan Produk

Secure Warranty

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umum.)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan terhadap kegagalan komponen mekanikal dan elektrik kenderaan anda yang tidak diduga.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi komponen mekanikal dan elektrik yang berkaitan dengan item berikut dalam tempoh perlindungan:

- Enjin
- Sistem Bahan Api
- Transmisi Manual dan Automatik
- Brek

Had bagi setiap tuntutan adalah sehingga RM 10,000 dan jumlah tuntutan keseluruhan adalah sehingga RM 30,000 untuk keseluruhan tempoh perlindungan.

Kami menawarkan dua (2) jenis tempoh perlindungan iaitu:

- Enam (6) bulan atau sehingga 15,000 km; atau
- Dua belas (12) bulan atau sehingga 30,000 km, Mana-mana berlaku dahulu.

Nota: Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk butiran lengkap.

Nota:

- Manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur TIPS PIDM atau hubungi Berjaya Sampo Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).**
- Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk ciri dan manfaat lengkap produk.**

3. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pilihan Pembaharuan?

Tempoh perlindungan adalah selama enam (6) bulan atau dua belas (12) bulan dantiada pilihan pembaharuan untuk Polisi ini.

4. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium anda perlu bayar bergantung kepada tempoh perlindungan, kapasiti kubik kenderaan, buatan dan model kenderaan yang dipilih dan keperluan pengunderaitan kami. Sila hubungi kami untuk sebarang pertanyaan mengenai premium.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Item yang perlu bayar selain daripada premium	Amaun
Duti Setem	RM 10.00
Cukai Perkhimatan	8% daripada premium

Item yang termasuk dalam premium	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	Sehingga 25% daripada premium

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**Kewajipan Pendedahan****Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Jadual 9 Akta Perkhimatan Kewangan 2013, anda hendaklah mengambil penjagaan munasabah untuk menjawab semua soalan dengan lengkap, tepat, jujur berdasarkan sepanjang pengetahuan anda. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah apa-apa terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin dibatalkan atau dianggap tidak wujud atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Jadual 9 Akta Perkhimatan Kewangan 2013, Sekiranya anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, adalah menjadi kewajipan anda untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah dan relevan. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah apa-apa terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin akan dibatalkan atau dianggap tidak wujud atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

- **Perubahan dalam Risiko**

Anda mestilah mendedahkan sebarang perubahan kepada fakta material yang anda tahu atau sepatutnya tahu mungkin menjejaskan profil risiko dari semasa ke semasa, jika tidak, Polisi anda mungkin dibatalkan. Anda mestilah memastikan borang cadangan dilengkapkan dengan tepat kerana ia membentuk asas kontrak insurans. Anda mestilah memberitahu ejen anda atau kami secara bertulis mengenai apa-apa perubahan penting semasa tempoh Polisi supaya pindaan yang perlu diendors pada Polisi anda.

- **Lebihan**

Perlindungan tidak termasuk empat belas (14) hari pertama dari tarikh permulaan perlindungan.

- **Waranti Premium**

Premium matang mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh permulaan perlindungan. Kegagalan untuk membayar premium dalam tempoh ini, mungkin mengakibatkan Polisi dibatalkan secara automatik.

- **Bayaran Premium**

Pembayaran boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian kepada Berjaya Sampo Insurance Berhad. Sila simpan resit premium yang telah dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa hadapan. Anda juga boleh memilih untuk menggunakan pembiayaan Bank untuk membayar premium Polisi ini.

- **Pembaharuan**

Polisi ini hanya boleh dibeli sekali dan oleh itu tiada pilihan untuk pembaharuan.

- **Tuntutan**

Sebarang permohonan tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Pembaikan Sah kami serta-merta selepas kerosakan yang berkaitan pada komponen yang dilindungi telah menjadi jelas.

Sila ambil perhatian bahawa kenderaan anda mesti diservis secara kerap mengikut keperluan servis yang dinyatakan di dalam Buku Servis *Secure Warranty*.

Kegagalan untuk Memenuhi keperluan servis seperti yang dinyatakan di dalam Buku Servis *Secure Warranty* akan mengakibatkan perlindungan di bawah produk insurans ini dihentikan secara automatik dengan serta-merta dan sebarang tuntutan selepas itu akan ditolak.

- **Pengesahan perlindungan**

Status perlindungan insurans ini dan tarikh mula perlindungan akan dimaklumkan kepada anda melalui SMS/E-mel.

Nota: Senarai ini adalah senarai yang tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh bagi terma dan syarat.

7. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Kerosakan yang disebabkan oleh kecuaiian.
- Kerosakan yang disebabkan oleh kakisan.
- Kerosakan yang disebabkan oleh sebarang perkara asing yang memasuki kenderaan atau ke dalam bahagian kenderaan.
- Kerosakan akibat daripada kekurangan servis.

Nota: Senarai ini adalah senarai yang tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian.

8. Bolehkah saya membatalkan Polisi ini?

Anda boleh membatalkan Polisi tetapi anda tidak layak mendapat bayaran balik premium.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran hubungan / peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan pada butiran hubungan dan peribadi anda bagi memastikan bahawa semua surat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada pejabat cawangan kami atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.

10. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans ini, sila hubungi pejabat cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1-800-889-933 semasa waktu operasi dari 8:30 pagi hingga 5:00 petang (Isnin-Jumaat).

11. Lain-lain jenis perlindungan insurans yang sedia ada?

Tidak.

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat yang tepat dan penuh adalah terkandung di dalam Kontrak Polisi.

Berjaya Sampo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah dari April 2024.